



[FOTO BERNAMA]

Dr Mahathir berucap pada perjumpaan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di Putrajaya, semalam. Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Apabila kita menghadapi masalah rusuhan dan sebagainya, kita perlu tangani perkara ini dengan cara bijak sebagai satu pemerintah yang prihatin serta berpengalaman dan faham tujuan pemerintahan”

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Kuasa bukan untuk kepentingan diri

➔ Negara aman, dapat agih kekayaan sama rata jika ditadbir tanpa rasuah

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kuasa diberi kepada pemerintah dan anggota pentadbiran adalah untuk mereka melaksanakan tugas, bukan untuk kepentingan sendiri.

Perdana Menteri berkata, jika kuasa disalahgunakan, negara tidak akan maju dan menyebabkan kemerosotan dalam kalangan masyarakat.

“Sebab itu kita perlu berhati-hati apabila melaksanakan sesuatu mengikut kuasa yang diberi kepada kita.

Berunding laksana kuasa

“Jika kita sedar atau berasa waswas bahawa kuasa itu mung-

kin akan menyebabkan sesuatu tidak baik bagi negara kita, lebih baik kita tidak laksanakan kuasa itu dan berunding dan mendapat nasihat bagaimana kuasa itu hendak dilaksanakan,” katanya berucap pada perjumpaan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini, semalam.

Dr Mahathir mahu anggota pentadbiran faham dan jelas maksud kerajaan ditubuhkan adalah untuk menentukan negara menjadi lebih maju.

Beliau berkata, walaupun pada permulaannya nikmat tidak dapat dilihat, apabila sebuah negara yang aman dan maju berjaya ditubuhkan, hasilnya akan dinikmati seluruh rakyat, termasuk anggota pentadbiran.

Katanya, Malaysia perlu aman dan damai supaya kekayaan negara dapat diagihkan secara sama rata bagi mengurangkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar.

“Ia boleh dicapai jika negara ditadbir dengan baik, tanpa rasuah dan acara yang disengajakan bagi mencetus huru-hara serta permusuhan kaum.

Bijak tangani masalah

“Apabila kita menghadapi masalah rusuhan dan sebagainya, kita perlu tangani perkara ini dengan cara bijak sebagai satu pemerintah yang prihatin serta berpengalaman dan faham tujuan pemerintahan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan

mahu melihat seluruh penduduk Malaysia menikmati kekayaan dan kemerdekaan serta pemerintahan negara yang prihatin.

“Bukan niat kita menghalang perkembangan dan kekayaan di bandar, tetapi jika jarak antara yang kaya dan miskin terlalu jauh, akan timbul perasaan iri hati serta benci.

“Disebabkan itu, negara akan menghadapi permusuhan antara bandar dan luar bandar, antara miskin serta kaya, bahkan antara satu kaum dan kaum lain,” katanya.

Justeru, Dr Mahathir berkata, beliau yakin semua warga JPM bukan hanya faham cara bekerja, tetapi juga berhubung keperluan negara.

BERNAMA